



JABATAN PENGAJIAN TINGGI

KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA

ARAS 9, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5,
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
Tel : (603) 8870 4090/6381 Faks : (603) 8870 6840 Web : <http://jpt.mohe.gov.my>



Rujukan Kami : JPT/GS1000-606 (14)

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pengajian Tinggi Swasta

PEKELILING PENGURUSAN PENGAJIAN TINGGI SWASTA (PPTS), JABATAN PENGAJIAN TINGGI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2013

MORATORIUM PENUBUHAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) BAHARU

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berhubung dengan moratorium (pembekuan) ke atas penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) baharu mulai 1 Februari 2013.

LATAR BELAKANG

2. Bilangan IPTS sehingga 31 Januari tahun 2013 adalah 37 buah Universiti Swasta, 20 buah Kolej Universiti Swasta, 7 buah Kampus Cawangan Universiti Luar Negara dan 417 buah Kolej Swasta yang aktif menawarkan program dalam pelbagai bidang.

3. Kebelakangan ini, terdapat tanda-tanda yang mencadangkan bilangan IPTS terlalu banyak sehingga mengakibatkan masalah kewangan yang menjelaskan kelestarian IPTS berkaitan. Antara kajian yang mengesahkannya adalah Kajian *Establishment Audit on Private Higher Education Institutions* (Ernst & Young), Kajian *A Framework For Success And Sustainability of Less*

Performing Private Higher Education Institutions (Universiti Teknologi Malaysia) dan Kajian Penggabungan dan Pemerolehan IPTS.

4. Selain itu, masalah kewangan juga menjelaskan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Bagi mengukuhkan IPTS, jumlah enrolmen perlulah ditingkatkan supaya ia mampu menjanakan pendapatan. Ini adalah kerana bilangan pelajar merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada tahap perkhidmatan dan kelestariannya. Kebanyakan IPTS bergantung kepada yuran pelajar sebagai punca utama untuk menjalankan operasinya. Mana-mana IPTS yang mempunyai jumlah enrolmen pelajar yang kurang boleh dikategorikan sebagai amat berisiko untuk tidak dapat meneruskan operasinya dalam jangka masa panjang. Keadaan ini menggugat kedudukan dan pendapatan IPTS yang berkenaan serta memberi kesan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan dan kelestariannya. Meningkatkan bilangan IPTS akan menjelaskan pengukuhan IPTS kerana bilangan pelajar yang terhad terpaksa dikongsi dan mengurangkan enrolmen.
5. Moratorium (pembekuan) terhadap penubuhan IPTS baru adalah salah satu kaedah kawalan oleh pihak kementerian bagi mengelak daripada berlakunya lebihan penawaran berbanding permintaan dalam sektor pengajian tinggi swasta di Malaysia. Selain itu dengan adanya moratorium ini, fokus dapat diberikan kepada perlaksanaan rasionalisasi dan konsolidasi sektor pengajian swasta melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstruktur semula IPTS demi kelangsungan dan kelestarian. Fokus juga dapat diberikan kepada usaha meningkatkan kualiti program pengajian dan IPTS yang sedia ada.
6. Sehubungan dengan ini, YB Menteri telah mengumumkan supaya moratorium terhadap penubuhan IPTS baru dilaksanakan dalam amanat tahun baru beliau pada 29 Januari 2013.

PELAKSANAAN

7. Moratorium (pembekuan) dilaksanakan ke atas penubuhan IPTS baru berstatus universiti, kolej universiti, dan kolej yang akan dilaksanakan bagi tempoh dua tahun bermula 1 Februari 2013.
8. Semasa pelaksanaan moratorium KPT akan melaksanakan audit secara berkala ke atas IPTS yang menjadi perhatian ramai berikutan timbulnya isu-isu yang dibangkitkan oleh orang ramai walaupun berdasarkan penilaian menerusi Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) atau Penilaian Penarafan Kualiti Kolej Swasta (MyQUEST) IPTS-IPTS berkenaan menunjukkan prestasi yang baik.
9. Semasa pelaksanaan moratorium ini, KPT akan melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - i. membuat semakan semula ke atas dasar, syarat, kriteria, dan garis panduan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555);
 - ii. melaksanakan rasionalisasi sektor pengajian tinggi swasta melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstruktur semula IPTS bagi meningkatkan keupayaan (capacity building) masing-masing;
 - iii. mempergiat aktiviti pemantauan kualiti dan penguatkuasaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] ke atas IPTS sedia ada;
 - iv. mengkaji semula pelaksanaan moratorium ini pada tahun ke-2 pelaksanaannya.

PENGECUALIAN

10. Bagi permohonan baru IPTS yang telah diterima oleh KPT sebelum tarikh kuat kuasa moratorium ini, keputusan mengenainya masih boleh dibuat. IPTS yang sedia ada masih lagi boleh mengemukakan permohonan dan akan dipertimbangkan untuk dinaik taraf kepada status kolej universiti atau universiti.

11. Semasa pelaksanaan moratorium ini, pertimbangan masih boleh diberikan untuk menubuhkan IPTS di kawasan-kawasan pembangunan baru misalnya pembukaan pusat pengajian tinggi di Iskandar Malaysia dan Pagoh Johor.

12. Permohonan penubuhan baru kampus cawangan oleh mana-mana universiti luar negara boleh dikemukakan kepada KPT untuk diproses dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Universiti induk berada dalam kedudukan antara 100 universiti terbaik dunia; atau
- ii. Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri;

KUAT KUASA

13. Pekeliling Moratorium Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2013 dalam tempoh dua tahun.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Tarikh : 20/3/2013

s.k

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pengajian Tinggi

Penasihat Undang-Undang
Bahagian Pengawatkuasaan dan Inspektorat

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
Menteri Pengajian Tinggi

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi